Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 10, e001797
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1797

Medium Aplikasi Atas Talian dalam Pembelajaran Sejarah di Luar Waktu Persekolahan

(Online Application Medium in Learning History)

Norrolnadia Binti Tajudin[1*], Shahabudin Bin Hashim[2]

[1]Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia.
Email: norrolnadia@student.usm.my
[2]Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia , 11800 Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia.
Email: shah@usm.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Norrolnadia Binti Tajudin
(norrolnadia@student.usm.my)

KATA KUNCI:
Medium
Aplikasi atas talian
Pembelajaran sejarah

KEYWORDS:
Medium
Online application
History learning

CITATION:
Norrolnadia Tajudin & Shahabudin Hashim. (2022). Medium Aplikasi Atas Talian dalam Pembelajaran Sejarah di Luar Waktu Persekolahan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(10), e001797. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1797

ABSTRAK

Perkembangan teknologi pada masa kini tidak dapat dijangkal oleh manusia pada kini terutama dalam perkembangan dalam teknologi telekomunikasi. Perkembangan telekomunikasi ini bukan setakat memberikan kemudahan dalam perhubungan jarak jauh malah dalam dunia pendidikan seperti kelangsungan pembelajaran di luar waktu persekolahan. Kajian ini bertujuan untuk melihat medium aplikasi atas talian yang sering digunakan oleh guru sejarah dan sejauh manakah keberkesanan medium ini mempengaruhi dalam pembelajaran sejarah diluar waktu persekolahan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan empat orang guru sejarah sekolah menengah. Hasil kajian ini mendapati bahawa aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* merupakan medium yang sering digunakan oleh guru sejarah dalam menyampaikan sebarang bentuk maklumat pembelajaran kepada pelajar. Persepsi guru sejarah menunjukkan positif terhadap penggunaan medium aplikasi atas talian diluar waktu persekolahan. Oleh itu, guru sejarah pada masa kini perlu lebih kreatif dan mempunyai inisiatif dalam mempertingkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran sejarah.

ABSTRACT

The development of technology today cannot be reached by humans today, especially in the development of telecommunications technology. The development of telecommunications not only provides convenience in long-distance communication but also in the world of education such as the continuation of the PdP learning process outside of school hours. This study aims to see the online application medium that is often used by history teachers and how effective this medium is in influencing history learning outside of school hours. This study uses a qualitative method involving four history teachers from secondary schools. The results of this study found that

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Telegram and WhatsApp applications are mediums that are often used by history teachers in delivering any form of learning information to students. The perception of history teachers shows positive towards the use of online application medium outside of school hours. Therefore, today's history teachers need to be more creative and have initiative in enhancing students' interest in history subjects.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini ialah mendapati bahawa medium aplikasi atas talian pada masa kini mampu merealisasikan pembelajaran abad ke-21 disamping mewujudkan pengajaran dan pembelajaran sepanjang hayat.

1. Pengenalan

Dunia teknologi telah berkembang dengan pesatnya sehinggalah berlaku perkembangan teknologi berbentuk digital yang digunakan pada masa kini. Teknologi digital ini sedikit sebanyak telah merealisasikan pembelajaran atas talian yang mula dilaksanakan sepenuhnya apabila COVID-19 melanda dunia. Hal ini membuktikan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran pada masa kini bukan hanya berlaku dalam bilik darjah sahaja malah telah diperluaskan dengan atas talian yang boleh dilaksanakan dimana-mana sahaja. Medium aplikasi atas talian dalam kajian ini merujuk kepada saluran yang digunakan oleh guru dalam menyampaikan sebarang maklumat berkaitan pembelajaran sejarah kepada murid melalui kemudahan aplikasi yang kebanyakannya pada masa kini menggunakan *Internet.* Kemudahan teknologi kini membolehkan individu belajar dalam pelbagai pengalaman pembelajaran menerusi *Internet* dan kolaboratif yang memerlukan pelajar bertukar maklumat secara sinkroni (*synchronous*) atau asinkroni (*asynchronous*) dalam *global village* yang dibina oleh laman-laman sesawang (*web*) sehingga membolehkan sesiapa sahaja dihubungkan (Zahiah & Abdul Razaq, 2010). Oleh itu, pelbagai medium telah diperkenalkan dalam teknologi digital ini seperti *WhatsApp, Telegram, Google Classroom, Zoom, Youtube, Kahoot* dan sebagainya. Medium ini telah menjadi pengganti kepada bilik darjah dalam pembelajaran atas talian ini sejak perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PdPR) sebelum ini. Namun, kesemua medium tersebut mempunyai kekuatan yang tersendiri untuk menyokong keberkesanan pelaksanaan strategi pembelajaran abad ke-21 yang menekankan kepada konsep 4C iaitu *communication, collaboration, critical thinking* dan *creativity.*

Waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk mata pelajaran sejarah telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi peringkat sekolah menengah adalah 2 jam atau 4 waktu dalam seminggu. Waktu yang telah ditetapkan ini secara hakikatnya tidak mencukupi bagi guru sejarah untuk menghabiskan silibus yang banyak dan merealisasikan pembelajaran abad ke-21. Tambahan pula, penetapan sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) selain Bahasa Melayu menjadikan guru sejarah lebih tertekan sedangkan waktu yang diperuntukkan untuk mata pelajaran Bahasa Melayu adalah 8 waktu. Oleh itu, guru sejarah masa kini perlu bijak dalam mencari inisiatif untuk menyampaikan pengajaran supaya pelajar dengan lebih efektif dan semaksimumnya termasuklah pengajaran di luar waktu persekolahan. Secara praktikalnya, waktu persekolahan di Malaysia adalah dari pukul 7 pagi sehingga pukul 3 petang untuk bagi sekolah satu sesi manakala sekolah dua sesi dari pukul 7 pagi hingga 12.30 tengah hari bagi sesi pagi dan sesi petang bermula dari pukul 1.30 petang sehingga 6 petang.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Dengan perkembangan teknologi pada masa kini, masalah peruntukan masa yang tidak mencukupi dalam proses penyampaian PdP dapat diatasi sekiranya guru mempunyai sifat yang dedikasi untuk terus menyampaikan maklumat di luar waktu persekolah dengan cara sendiri. Hal ini sejajar dengan pendapat Aan Widiyono (2021) yang menyatakan aplikasi Telegram dan LMS yang telah digunakan dapat memenuhi keperluan pelajar sehingga tercipta pembelajaran yang lebih aktif dan efektif. Selain itu, penggunaan teknologi dalam bidang pendidikan sejarah dapat meningkatkan motivasi serta minat dalam belajar sejarah (Diana Andrew & Anuar, 2020). Maka, perkembangan teknologi kini juga telah memberikan satu kemudahan kepada guru sejarah kini untuk menyampaikan pengajaran di luar waktu persekolahan. Selain itu, kewujudan pelbagai aplikasi atas talian pada masa kini juga mampu membantu mereka dalam menyampaikan maklumat serta pengajaran kepada pelajar secara berterusan walaupun di luar waktu persekolahan. Hal ini dapat memperkukuhkan penyataan Muhammad Rafie dan Sarawati (2017) yang menyatakan bahawa sistem pendidikan boleh berlaku di mana-mana sahaja tanpa mengira masa dan tempat dan tidak hanya terbatas di dalam bilik darjah sahaja.

Menjadi seorang guru sejarah yang hebat pada masa kini bukan sahaja perlu mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam kandungan malah dan mereka perlu menjadi seorang guru yang *'up to date'* dengan perkembangan dunia masa kini termasuklah dalam perkembangan teknologi. Oleh kerana itu, golongan pendidik pada masa kini perlu mempunyai pengetahuan dalam menggunakan teknologi digital supaya proses PdP dapat menarik minat murid dalam mendapatkan ilmu pengetahuan dan pendedahan kepada proses PdP yang lebih menarik dan interaktif di dalam kelas (Hanifah et al., 2020). Tambahan pula, penggunaan aplikasi atas talian ini bukanlah benda yang baharu bagi masyarakat dunia tetapi ia mungkin menjadi perkara yang baharu bagi pendidik kini untuk diaplikasikan sebagai medium pengajaran tambahan yang sebelum ini hanya berlaku di dalam bilik darjah. Selain itu, guru sejarah berpeluang untuk mengubah persepsi pelajar terhadap mata pelajaran ini dengan mempelbagaikan penggunaan bahan bantu mengajar untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan khususnya melalui medium pembelajaran maya (Nur Farhanah et al., 2020).

Berdasarkan kajian M. Kaviza (2021) telah menunjukkan *Google Classroom* menjadi sebagai pembelajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran sejarah yang bermakna serta dapat membentuk perspektif yang baik terhadap proses pembelajaran pelajar kini yang tergolong sebagai generasi Z yang terdedah dengan pelbagai gajet dan media yang interaktif. *Google Classroom* telah menjadi satu platform utama dalam merealisasikan PdPR ketika penularan COVID-19 yang lalu. Walaupun, aplikasi *Google Classroom* merupakan platform pembelajaran yang mempunyai pelbagai fungsi dan pautan aplikasi yang percuma serta berteraskan *Internet* (M. Kaviza, 2020a) tetapi pelbagai aplikasi atas talian kini selain *Goolge Classroom* telah menjadi medium dalam pengajaran termasuk pengajaran tambahan di luar waktu persekolahan. Sejajar dengan matlamat KPM, ia juga membantu guru dalam memfasilitasi aktiviti pendidikan dengan membenarkan guru mengubah teknik pengajaran agar dapat menarik minat murid dan memberi inspirasi kepada mereka untuk terus belajar (Syamsulaini & Mashitoh, 2016). Walaupun, pembelajaran sejarah atas talian ini telah menjadi satu amalan kepada para guru pada masa kini bagi membentuk pembelajaran teradun tetapi keperluan PdP secara bersemuka masih tidak diketepikan dalam pendidikan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

1.1. Pernyataan Masalah

Pendidikan pada masa kini tidaklah seperti pendidikan pada ketika dahulu iaitu proses pengajaran dan pembelajaran hanya berlaku dalam bilik darjah sahaja. Dengan adanya perkembangan dalam teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), ia telah menjadikan dunia pendidikan pada masa kini semakin terkait antara satu sama lain tanpa sempadan iaitu proses pembelajaran boleh berlaku di mana-mana sahaja tanpa sempadan masa. Perkembangan ini telah merealisasikan pembelajaran sejarah di luar waktu persekolahan dengan adanya pelbagai aplikasi atas talian yang wujud ada masa kini. Menurut Taufik Ridwan dan Aldo Faisal (2021), pendidikan pada masa kini perlu berorientasikan teknologi canggih dengan harapan dapat membantu pelajar dalam mewujudkan PdP secara interaktif, produktif, efektif, inspiratif, konstruktif dan menyeronokkan. Usaha guru dalam memberikan pengajaran tambahan di luar waktu persekolahan dengan menggunakan aplikasi atas talian pada masa kini dapat membantu guru dalam memaksimumkan penyampaian mereka. Dengan adanya kemudahan liputan *Internet* yang lancar, pelajar dapat mengakses bahan-bahan pembelajaran yang diberikan oleh guru dengan mudah menggunakan telefon pintar ataupun komputer riba (Norayati et al., 2020). Oleh itu, terdapat satu keperluan untuk mengenal pasti medium aplikasi atas talian yang sering digunakan oleh guru sejarah dalam memastikan kelangsungan dalam menyampaikan pengajaran tanpa had masa dan tempat.

1.2. Tujuan kajian

Kajian ini bertujuan untuk menentukan medium yang sering digunakan oleh guru sejarah dalam proses pembelajaran di luar proses PdP dan melihat tahap keberkesanan medium ini dalam mempengaruhi penerima serta minat pelajar terhadap mata pelajaran sejarah.

1.3. Objektif kajian

Objektif kajian ini ialah:

i. Mengetahui medium yang sering digunakan oleh guru sejarah dalam pembelajaran sejarah di luar waktu persekolahan.
ii. Melihat tahap keberkesanan penggunaan medium ini dalam meningkatkan kualiti pengajaran dalam mata pelajaran sejarah.

1.4. Persoalan kajian

Persoalan kajian ini ialah:

i. Apakah medium yang sering digunakan oleh guru sejarah dalam menyampaikan maklumat dan pengajaran di luar waktu PdP?
ii. Berapa kekerapan penggunaan medium aplikasi atas talian ini alam pembelajaran pelajar?
iii. Sejauh manakah penggunaan medium aplikasi atas talian ini membantu dalam pengajaran guru?
iv. Apakah persepsi guru terhadap penggunaan medium aplikasi atas talian ini dalam pengajaran sejarah di luar waktu persekolahan?

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)

2. Metod Kajian

Reka bentuk kajian ini merupakan kajian yang menggunakan pendekatan kaedah kualitatif. Berdasarkan reka bentuk kajian ini, pengkaji menjalankan kajian menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan data bagi menjawab persoalan kajian. Soalan temu bual adalah instrumen utama untuk mengumpul data bagi menjawab semua persoalan mengenai penggunaan medium aplikasi atas talian dalam kalangan guru sejarah. Sampel kajian ini dipilih secara rawak mudah iaitu seramai 4 orang guru sejarah dari dua buah sekolah di sebuah daerah negeri Perak. Dalam kajian ini, temu bual dilakukan secara atas talian dengan menggunakan aplikasi *Google Meet*. Kelebihan membuat temu bual secara atas talian adalah mudah untuk dijalankan kerana peserta kajian dapat memberikan tindak balas pada bila-bila masa dan di mana sahaja mengikut keselesaan peserta kajian. Temu bual yang dijalankan adalah berbentuk semi berstruktur untuk memastikan pengkaji dapat menganalisis data dengan lebih terperinci dan menjawab semua persoalan dengan lebih tepat. Bagi memastikan kajian ini lebih bermakna, penyelidik telah memilih reka bentuk penyelidikan kualitatif berbentuk kajian kes. Kajian ini dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan kaedah tematik.

3. Hasil Kajian

3.1. Medium aplikasi atas talian yang digunakan oleh guru.

Berdasarkan hasil analisis temu bual yang dijalankan, tema berkaitan aplikasi yang sering digunakan oleh guru dalam menyampaikan maklumat diluar waktu persekolahan turut dikenal pasti. Hasil dari temu bual semua peserta kajian, pengkaji telah mendapat antara aplikasi atas talian yang menjadi pilihan guru ialah aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp.* Walaupun *Google Classroom* telah menjadi satu pautan rasmi bagi pelajar dan guru ketika PdPR yang lepas, guru kini lebih selesa menggunakan kedua-dua aplikasi ini berbanding pautan google classroom kerana mempunyai persepsi masing-masing.

Menurut PK1 dan PK3, aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* menjadi pilihan kerana ia lebih digemari oleh guru dan pelajar.

> "…lebih mudah sebab *Telegram* dan *WhatsApp* semua budak-budak ada" (PK1:L1, ms1, b6)

> "Kalau tanya budak pun, depa lebih suka *Telegram*, lagipun senang saya nak hantar *link* apa-apa…" (PK3:L3, ms1, b7)

Manakala PK2 dan PK4 menyatakan bahawa pelajar lebih pantas memberikan respon jika berkomunikasi dengan mengunakan aplikasi *WhatsApp* berbanding dengan *Google Classroom*

> "… kalau masej kat telegaram cepat ja depa balas, kalau hantat Latihan kt google celassroom lambat la depa nak buka..." (PK2:L2, ms1, b10)

> "…lebih pantas kalau nak *share apa*-apa" (PK4:L4, ms1, b9)

Kenyataan diatas telah membuktikan bahawa pemilihan medium aplikasi atas talian yang sesuai dan tahap penerimaan pelajar juga telah mempengaruhi terhadap

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

keberkesanan dalam pembelajaran sejarah atas talian di luar waktu persekolahan. Medium *Telegram* dan *WhatApp* telah menjadi pilihan utama guru sejarah dalam menyampaikan pengajaran di luar waktu persekolahan.

3.2. Kekerapan guru menggunakan aplikasi atas talian dalam menyampaikan maklumat.

Data yang diperolehi oleh pengkaji dalam menjawab persoalan dalam kekerapan penggunaan aplikasi atas talian bagi menyampaikan maklumat kepada pelajar menunjukkan bahawa PK2 dan PK3 menggunakan aplikasi ini hampir setiap hari dalam menyampaikan maklumat kepada pelajar mereka. Hal ini dijelaskan oleh PK2 seperti berikut:

> "… hampir setiap hari saya akan *share something* dalam *group telegram* tu, kalau tak da kerja rumah, saya akan share link video yang berkaitan dengan tajuk yang dah belajaq sebelum ni". (PK2:L2, ms 1, b15)

Selain itu, PK1 menyatakan bahawa dia hanya menggunakan aplikasi atas talian ini hanya dua atau tiga kali dalam seminggu kerana tidak mahu kerap menggangu masa *privacy* pelajar di rumah.

> "Tak da la sampai tiap-tiap hari, mungkin seminggu 2 atau 3 kali ja saya buat sharing dengan depa dan bagi kerja rumah masa hujung minggu, kadang-kadang budak-budak ni nak *privacy* jugak lepas sekolah" (PK1:L1, ms 2, b43)

Dari segi kekerapan penggunaan aplikasi atas talian dalam pembelajaran sejarah di luar waktu persekolahan, terdapat guru sejarah menggunakannya setiap hari dan ada dua atau tiga kali dalam seminggu. Kenyataan setiap peserta kajian menunjukkan bahawa setiap guru mempunyai strategi berbeza dalam menyampaikan pengajaran luar waktu PdP mengunakan aplikasi atas talian mengikut keperluan masing-masing.

3.3. Medium Aplikasi Atas Talian Membantu Dalam Pengajaran Guru

Berdasarkan persoalan ketiga, pengkaji telah mendapati penggunaan aplikasi atas talian selepas waktu persekolahan telah banyak membantu guru dalam pengajaran sejarah. Hal ini dapat dibuktikan dengan kenyataan PK3 yang mana penggunaan *Telegram* ini memudahkan guru dalam menyampaikan pengajaran yang sepatutnya disampaikan di sekolah tetapi tidak dapat dilaksanakan seperti kelas terpaksa dibatalkan untuk memberi laluan kepada program sekolah.

> "… saya akan *share powerpoint* kat depa atau saya bagi nota topik yang sepatutnya saya ajaq dalam kelas…" (PK3:L3, ms 2, b55)

Selain itu, PK4 juga menyatakan bahawa dengan penggunaan aplikasi atas talian selapas waktu sekolah ini dapat memberi peluang kepada guru untuk menyampaikan perkongsian tambahan yang tidak dapat dikongsikan oleh guru dalam kelas kerana kesuntukan masa.

> "… lepas sekolah saya akan *share* video atau *link* berkaitan dengan topik untuk depa buat ulang kaji" (PK4:L4, ms 2, b40)

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Bagi PK1 pula, penggunaan aplikasi atas talian selepas waktu PdP di sekolah juga membantu dan memudahkan guru dalam memberikan pengukuhan.

> "… bagi latihan guna *link google form*, lepas tu kita boleh *check* terus sapa yang jawab dengan yang tak jawab" (PK1:L1, ms 2, b25)

Langkah ini juga telah sedikit sebanyak telah membantu guru sejarah dalam menyampaikan pengajaran sejarah dengan lebih produktif iaitu memastikan penyampaian pengajaran sejarah bukan terbatas di sekolah sahaja malah dapat disampaikan di luar waktu persekolahan. Inisiatif ini dapat membantu guru dalam menghabiskan silibus mata pelajaran sejarah dalam tempoh yang ditetapkan. Perkara ini turut diperkatakan oleh PK1 seperti kenyataan berikut:

> "… sebab sejarah ni banyak silibus yang kena sampaikan yang mungkin tak dapat nak habiskan dia sekolah" (PK2:L2, ms 3, b50)

Tuntasnya, medium aplikasi atas talian ini telah banyak membantu guru dalam memberikan maklumat tambahan ketika diluar waktu persekolahan seperti perkongsian powerpoint, video, dan *link* yang mungkin tidak dapat disampaikan ketika waktu PdP di sekolah. Selain itu, inisiatif ini juga dapat membantu guru dalam memantau hasil kerja pelajar di rumah serta membantu dalm menghabiskan silibus dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.

3.4. Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Aplikasi Atas Talian Dalam Pengajaran Sejarah.

Berdasarkan data kajian bagi menjawab persoalan terakhir kajian, pengkaji mendapati semua peserta kajian telah memberikan persepsi yang positif terhadap penggunaan aplikasi atas talian dalam pengajaran sejarah diluar waktu persekolahan. Hal ini terbukti apabila keempat-empat peserta kajian menggunakan aplikasi atas talian sebagai medium pembelajaran selepas waktu persekolahan seperti yang diperkatakan oleh PK2.

> "Sekarang ni semua cikgu dah ada *group* masing-masing ngan budak-budak…" (PK2:L2, ms 3, b65)

PK3 pula menyatakan guru sekarang tidak perlu risau sekiranya tidak sempat untuk berkongsi atau terlepas perkonsian maklumat ketika proses PdP kerana mereka dapat berkongsi semula dalam '*group*' mereka.

> "… saya suka sebab kalau tak sempat atau terlupa saya nak ajar dalam kelas, saya akan *share* balik dalam *group WhatsApp* kami …" (PK3:L3, ms 3, b80)

Selain itu, langkah ini juga sedikit sebanyak telah menimbulkan minat lebih mendalam tentang sejarah kerana guru telah menerapkan semangat inkuiri dan semangat menerokai dalam kalangan pelajar seperti yang diperkatakan oleh PK4.

> "… *share* video atau *link* apa-apa, mesti depa akan bagi pendapat masing-masing lepas tu ada yang minta saya *share* banyak video lagi." (PK4:L4, ms 3, b54)

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kenyataan-kenyataan di atas cukup untuk meyakinkan pengkaji bahawa penggunaan aplikasi atas talian dalam pembelajaran sejarah telah memberikan impak yang positif kepada guru dan sejarah. Pengajaran melalui aplikasi atas talian ini dapat membantu guru sejarah dalam menghabiskan silibus dan perkongsian tanpa had yang mungkin tidak dapat dilakukan secara maksimum ketika proses PdP di sekolah bagi memastikan kelangsungan pengajaran sejarah diluar waktu persekolahan.

4. Perbincangan Kajian

Berdasarkan analisis kajian, setiap guru lebih cenderung untuk menggunakan aplikasi yang mudah serta digemari oleh pihak guru sendiri dan pelajar dalam menyampaikan maklumat iaitu aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* telah menjadi pilihan mereka sebagai medium komunikasi diluar waktu persekolahan. Pemilihan aplikasi yang sesuai juga mempengaruhi penglibatan pelajar kerana mereka lebih *'alert'* dengan setiap maklumat yang diberikan oleh guru. Aplikasi telefon pintar pada masa kini seperti *WhatsApp* dan *Telegram* menawarkan alternatif yang dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran sejarah tanpa had masa dan tempat. Menurut Tuan Shariffah dan Mohd Mahzan (2021), *Telegram* yang semakin meningkat naik penggunaannya dipersada pendidikan adalah antara aplikasi yang semakin canggih dan diimplementasikan. Selain itu, dengan adanya pembelajaran atas talian maka tiada alasan untuk tidak meneruskan pembelajaran kerana pembelajaran dalam talian merupakan penyelesaian bagi isu ini dan pelajar masih dapat belajar walaupun dalam keadaan terhad (Juwairiah & Roslinda, 2021).

Dari segi kekerapan pula, kajian ini menunjukkan kekerapan penggunaan medium atas talian diluar waktu persekolahan sebagai alat komunikasi dengan pelajar bergantung kepada strategi guru itu sendiri kerana setiap guru mempunyai strategi dan pemikiran yang berbeza. Walaupun, kekerapan penggunaan medium atas talian ini tidak setara bagi keempat-empat peserta kajian namun, objektif mereka tetap sama iaitu menyampaikan maklumat tambahan kepada pelajar dan meningkatkan prestasi pelajar dalam mata pelajaran sejarah. Oleh itu, satu cadangan kajian lanjutan yang dapat dilakukan oleh penyelidik akan datang dalam pembelajaran sejarah ialah melihat kepuasan guru dan pelajar terhadap pembelajaran atas talian.

Kajian ini juga telah menjawab persoalan kajian ketiga iaitu medium aplikasi atas talian ini telah banyak memudahkan guru dalam menyampaikan pembelajaran sejarah dengan lebih efektif. Hal ini kerana guru mata pelajaran sejarah pada masa kini menghadapi cabaran dari segi masa yang diperuntukkan tidak mencukupi dalam menyampaikan pengajaran. Oleh itu, dengan adanya medium aplikasi atas talian ini sedikit sebanyak telah mengurangkan masalah guru seperti menghabiskan silibus, memantau latihan yang diberikan, perkongsian yang tidak dapat dilaksanakan dalam PdP dan sebagainya. Sekali gus, penggunaan alat komunikasi yang diakses dengan adanya *Internet* ini sebenarnya telah digunakan sebagai alat perhubungan dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara tidak langsung. Hal ini selari dengan kajian Syed Lamsah (2017) yang menyatakan bahawa generasi Y pada masa kini mereka bersikap mahukan sesuatu dengan cepat serta lantang memberi pendapat walaupun masih memerlukan bimbingan daripada seorang guru.

Selain itu, dapatan menunjukkan penggunaan aplikasi atas talian selepas waktu pengajaran di sekolah dapat memberikan satu pembaharuan dan peningkatan dalam

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pengajaran sejarah yang mana penyampaian maklumat serta perkongsian daripada guru tidak terbatas di sekolah sahaja. Inisiatif yang dilakukan oleh guru ini dapat meningkatkan minat dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran sejarah. Keberkesanan penggunaan aplikasi atas talian ini dapat dilihat dengan persepsi yang positif yang diberikan oleh peserta kajian. Dapatan ini memperkukuhkan lagi kajian M. Kaviza (2020b) yang menyatakan bahawa tahap persepsi guru terhadap penggunaan *WhatsApp Messenger* dalam pengajaran sejarah adalah berada pada tahap tinggi dengan mengambil kira perbezaan jantina, pengalaman mengajar dan bidang pengkhususan. Kajian Mohd Paris dan Saedah (2017) juga menunjukkan persepsi terhadap penggunaan teknologi termasuklah aplikasi atas talian adalah positif dan mengurangkan penggunaan amalan tradisional di sekolah.

5. Kesimpulan

Pelbagai aktiviti pembelajaran berasaskan teknologi dapat dilaksanakan dalam pembelajaran atas talian yang sebelum ini terbatas dalam pembelajaran bilik darjah. Implikasinya, perlaksanaan pembelajaran atas talian ini telah memberikan impak yang besar kepada guru Sejarah untuk keluar dari 'kepompong' pembelajaran yang bersifat tradisional dan sehala. Selain itu, pembelajaran sejarah atas talian di luar waktu sekolah ini telah menjadi kaedah terbaik dalam memastikan murid dapat terus belajar apabila pembelajaran secara bersemuka tidak dapat dijalankan. Setelah guru telah meneroka pelbagai aplikasi teknologi pendidikan, kajian ini telah mengenal pasti *Telegram* dan *WhatsApp* merupakan aplikasi yang sesuai dengan keupayaan dan minat murid pada masa kini untuk menerima maklumat daripada guru. Aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* ini juga dapat memberi pilihan kepada guru dan pelajar untuk mengaksesnya melalui pelbagai jenis alat komunikasi seperti telefon pintar, tablet dan komputer. Di samping itu, kelebihannya yang membolehkan pengguna memuat naik dokumen, gambar, video, dan audio. Oleh itu, dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada para guru sejarah terutamanya untuk membuat satu penambahbaikkan dalam pembelajaran atas talian di luar waktu PdP di sekolah bagi memastikan kelangsungan pembelajaran sejarah tanpa sempadan dan seterusnya akan membawa kepada meningkatkan pencapaian akademik pelajar serta matlamat kurikulum sejarah itu sendiri.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Sains Malaysia (JEPeM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada peserta kajian yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini. Tidak lupa juga penghargaan kepada penyelia pengkaji yang turut membantu pengkaji sepanjang kajian ini dilakukan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan. Kajian ini menggunakan sepenuhnya perbelanjaan pengkaji sendiri.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Tiada sebarang konflik yang dilaporkan oleh penulis yang melibatkan kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini sepanjang penulisan.

Rujukan

Aan Widiyono (2021). Penggunaan LMS dan Aplikasi Telegram Terhadap Aktivitas Belajar. *Jurnal Penelitian Ilmu Pendidikan, 14*(1), 91-101.

Diana Andrew Guan & Anuar Ahmad (2020). Penggunaan E-Pembelajaran Dalam Pembelajaran Sejarah di Ukm. *Educational Development & Innovative Technological Applications for Improving Societal Wellbeing*, 32.

Hanifah Mahat, Satryani Arshad, Yazid Saleh, Kadaruddin Aiyub, Mohmadisa Hashim & Nasir Nayan (2020). Penggunaan dan penerimaan bahan bantu mengajar multimedia terhadap keberkesanan pembelajaran Geografi. *Malaysian Journal of Society and Space, 16*(3), 219–234. doi:10.17576/geo-2020-1603-16.

Juwairiah Mustapah & Roslinda Rosli (2021). Tahap Kepuasan Pembelajaran Matematik Atas Talian Semasa Pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH),* 6(4), 1-20.

M. Kaviza (2020a). Aplikasi Google Classroom dalam pembelajaran sejarah: dari Perspektif murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *5*(7), 130-135.

M. Kaviza (2020b). Persepsi Guru terhadap Penggunaan Whatsapp Messenger dalam Pengajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *5*(6), 160-167

M. Kaviza (2021). Pembelajaran Sejarah Berasaskan Penggunaan Platform Google Classroom dan Aplikasi Kemahiran 4K. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *6*(7), 171-179.

Mohd Paris Saleh & Saedah Siraj (2017). Analisis keperluan pembangunan model pengajaran M-Pembelajaran mata pelajaran Sejarah sekolah menengah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(4), 12-24.

Muhammad Rafie & Sarawati (2017). Analisis keperluan pembangunan model pengajaran M-Pembelajaran mata pelajaran Sejarah sekolah menengah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 4*(4), 12-24

Norayati Mustarin, Abdul. Razaq Ahmad & Mohd Mahzan Awang (2020). Cabaran Guru Sejarah Daerah Papar Dalam Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (Pdpdr) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (Pkp). *Implication Of Covid-19 Pandemic Towards Education, Social Life & Global Economics*, 167.

Nur Farhanah Halim, Abdul Razaq Ahmad & Mohd Mahzan Awang (2020). Tahap Pengetahuan Dan Sikap Murid Tahun 4 Terhadap Pembelajaran Atas Talian Dalam Subjek Sejarah. *Implication Of Covid-19 Pandemic Towards Education, Social Life & Global Economics*, 72.

Syamsulaini Sidek & Mashitoh Hashim (2016). Pengajaran Berasaskan Video Dalam Pembelajaran Berpusatkan Pelajar: Analisis Dan Kajian Kritikal. *Journal of ICT in Education, 3*(1), 24–33.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Syed Lamsah Syed Chear (2017). Pengajaran dan pembelajaran melalui aplikasi Whatsapp dan Telegram di universiti swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, *42*(2), 87-97.

Taufik Ridwan & Aldo Faisal Umam (2021). Pengaruh Media Pembelajaran Google Classroom dalam Pembelajaran terhadap Motivasi Belajar Mahasiswa. *Cerdika: Jurnal Ilmiah Indonesia*, *1*(1), 37-46.

Tuan Shariffah Khairiah Tuan Kechil & Mohd Mahzan Awang (2021). Penerapan Nilai Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah Melalui Aplikasi Telegram: (Applying Values In The Teaching And Learning Of History Subjects Through Telegram Applications). *Kqt Ejurnal, 1*(1), 1-8

Zahiah Kassim & Abdul Razaq Ahmad (2010). E-pembelajaran: Evolusi internet dalam pembelajaran sepanjang hayat. In *proceedings of Regional Conference on Knowledge Integration in ICT* (Vol. 210).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).